P E K E L I L I N G

# AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

## Bilangan 06 Tahun 2020

# PINDAAN KALENDAR AKADEMIK SESI II DAN SESI III 2019 / 2020 SUSULAN PENULARAN WABAK COVID-19

### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga UiTM dan pihak yang berkepentingan mengenai tarikh penting pindaan bagi Kalendar Akademik Sesi II dan Sesi III 2019 / 2020 UiTM susulan penularan wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

### LATAR BELAKANG

2. Kalendar Akademik sesi pengajian 2019 / 2020 telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat ke-243 pada 18 Januari 2019 dan telah diuar-uarkan kepada warga UiTM melalui Pekeliling Akademik Bil. 01 / 2019 Kalendar Sesi Akademik 2019 / 2020.

3. Pindaan Kalendar Akademik Sesi II dan Sesi III 2019 / 2020 telah diluluskan Senat ke-256 pada 03 April 2020 mengambil kira beberapa perkara iaitu:

a. PKP yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Mac 2020 dan dilaksanakan bermula pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 kepada semua rakyat Malaysia.
b. Pekeliling Naib Canselor bil. 05 / 2020 dan bil. 06 / 2020 yang telah dikeluarkan untuk tujuan pematuhan PKP kepada UiTM seluruh negara.
c. PKP yang kedua telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 dan dilanjutkan kepada tempoh 01 April 2020 hingga 14 April 2020 kepada semua rakyat Malaysia.
d. Kenyataan media mengenai pengendalian program akademik di Universiti Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 28 Mac 2020.

### PENETAPAN KALENDAR AKADEMIK

4. Pindaan Kalendar Akademik Sesi II dan Sesi III 2019 / 2020 dilaksanakan dengan beberapa ketetapan iaitu:

a. Pelajar perlu meneruskan pengajian semester ini walaupun PKP dilanjutkan.
b. Pergerakan pelajar setelah tempoh PKP perlu dikurangkan sehingga penularan wabak COVID-19 pulih sepenuhnya.
c. Perkuliahan semester hadapan iaitu pada Sesi I 2020 / 2021 akan dilewatkan di mana KPT menjangka akan bermula pada pertengahan Oktober 2020.

5. Lampiran A ialah pindaan tarikh penting pada Kalendar Akademik Sesi II dan Sesi III 2019 / 2020 untuk kedua-dua Kumpulan A dan B.

6. Tempoh keseluruhan pembelajaran semester ini dipanjangkan bagi memberi peluang masa kepada pengubahsuaian pembelajaran dan pengajaran yang perlu dilakukan mengikut kaedah *Open and Distance Learning* (ODL) oleh pensyarah dan pelajar.

a. Semester perkuliahan diteruskan bermula pada 13 April 2020 secara ODL.

b. Bagi kursus yang boleh dilaksanakan sepenuhnya secara ODL sepanjang semester, ia akan menggunakan tempoh sesi Kuliah 2 dan Kuliah 3a iaitu dari 13 April 2020 hingga 21 Julai 2020.

c. Bagi kursus yang memerlukan interaksi secara bersemuka (face-to-face) seperti bengkel / studio / makmal / dapur / lapangan / klinikal dan seumpamanya, pihak fakuti / UiTM cawangan boleh memilih opsyen sesi Kuliah 3b yang akan bermula pada 13 April 2020 secara ODL dan kemudian menyambung sesi bersemuka seawal 04 Jun 2020 (jika keadaan selamat dan dibenarkan) sehingga 23 Ogos 2020.

d. Pihak fakuti / UiTM cawangan juga boleh menggunakan sesi Kuliah 3b untuk tujuan penilaian kursus lain yang memerlukan sesi bersemuka.

7. Seandainya keadaan selamat dan dibenarkan oleh kerajaan Malaysia dan UiTM, pelajar boleh dipanggil balik ke kampus dengan kebenaran universiti secara berperingkat bermula 04 Jun 2020. Universiti akan memberi kebenaran untuk balik ke kampus dengan mengutamakan:

a. Pelajar yang perlu melaksanakan sesuatu kursus secara bersemuka seperti bengkel / studio / makmal / dapur / lapangan / klinikal dan seumpamanya serta

b. Pelajar yang tidak berkemampuan atau golongan B40 yang tidak mempunyai akses internet yang memuaskan.

8. Pihak fakulti / UiTM cawangan perlu membuat permohonan bagi mendapat kelulusan dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bagi melaksanakan sesuatu kursus secara bersemuka sebelum membuat panggilan pelajar ke kampus.

**PEKELILING BERKAITAN**

9. Kalendar Akademik bagi Semester Sesi II dan Sesi III 2019 / 2020 pada Pekeliling Akademik Bil. 01 / 2019 (Kalendar Akademik Sesi 2019 / 2020) adalah terpinda.

**TARIKH DIKELUARKAN**

10. Pekeliling ini dikeluarkan pada 06 April 2020.

**TARIKH KUATKUASA**

11. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 06 April 2020.

**PROF. Ts. Dr. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 06 April 2020

| Aktiviti Perkuliahan Sesi II 2019 / 2020<br>Disember 2019-April 2020<br>Program Asasi / Profesional | | | |
|---|---|---|---|
| **AKTIVITI** | **TARIKH LAMA** | **TARIKH BAHARU** | **TEMPOH BAHARU** |
| Kuliah 3 | 10 Februari-05 April 2020 | 10 Februari-17 Mac 2020 | 5 Minggu |
| Pengawalan Wabak COVID-19 | | 18 Mac 2020-12 April 2020 | 4 Minggu |
| Kuliah 4 | | 13 April-01 Mei 2020 | 3 Minggu |
| Tarikh Akhir Lanjutan PKP | | 14 April 2020 (Tertakluk Kepada Perubahan) | |
| Proses *Exit Survey* | 16 Mac-12 April 2020 | 20 April-04 Mei 2020 | 3 Minggu |
| *Student Feedback Online* (SuFO) | 02 Mac-12 April 2020 | 02 Mac-04 Mei 2020 | 9 Minggu |
| Minggu Ulangkaji | 06-12 April 2020 | 02-04 Mei 2020 | 3 Hari |
| Peperiksaan Akhir | 13-27 April 2020 | | |
| Tarikh Akhir Penilaian Berterusan | | 18 Mei 2020 | |
| Cuti Semester | 28 April-21 Jun 2020 | 19 Mei-21 Jun 2020 | 5 Minggu |

| Aktiviti Pendaftaran Kursus & RPGT Sesi II 2019 / 2020<br>Mac-Julai 2020<br>Program Pra Diploma / Diploma / Sarjana Muda / Sarjana / Doktor Falsafah | | |
|---|---|---|
| **AKTIVITI** | **TARIKH BAHARU** | **TARIKH BAHARU** |
| **Tarikh Akhir Pembayaran Yuran** | **22 Mac 2020** | **19 April 2020** |
| Tempoh Validasi Kursus Berdaftar Semester Semasa (Kecuali Pelajar Baharu Diploma) | 16-29 Mac 2020 | 16 Mac-26 April 2020 |
| Permohonan Online Daftar / Gugur Kursus Lewat / Luar tempoh | 30 Mac-12 April 2020 | 28 April-10 Mei 2020 |
| **GUGUR TARAF** | **30 Mac 2020** | **27 April 2020** |
| Pelajar Mula Cetak Slip Menduduki Peperiksaan | 04 Mei 2020 | |
| Permohonan Online Rayuan Pembatalan Gugur Taraf | 31 Mac-12 April 2020 | 28 April-03 Mei 2020 |
| Keputusan Rayuan Pembatalan Gugur Taraf | 14 April 2020 | 05 Mei 2020 |
| Tarikh Akhir Pembayaran Yuran Bagi Pelajar Yang Diluluskan RPGT dan Yang Dibenarkan Lewat Membayar Yuran | 22 April 2020 | 13 Mei 2020 |
| Gugur Taraf Bagi Pelajar Yang Masih Tidak Membayar Yuran Tertunggak / Tertangguh | **27 April 2020** | **18 Mei 2020** |

| Aktiviti Perkuliahan Sesi II 2019 / 2020<br>Mac-Julai 2020<br>Program Pra Diploma / Diploma / Sarjana Muda / Sarjana / Doktor Falsafah | | | |
|---|---|---|---|
| **AKTIVITI** | **TARIKH LAMA** | **TARIKH BAHARU** | **TEMPOH BAHARU** |
| Kuliah 1 | 24 Februari-05 April 2020<br>**24 Februari-04 April 2020* | 24 Februari-17 Mac 2020<br>**24 Februari-17 Mac 2020* | 4 Minggu |
| Proses *Entrance Survey* | 24 Februari-23 Mac 2020 | 24 Februari-23 Mac 2020 | 4 Minggu |
| Pengawalan Wabak COVID-19 | | 18 Mac 2020-12 April 2020 | 4 Minggu |
| Cuti Pertengahan Semester | 06-12 April 2020<br>**05-11 April 2020* | 01-12 April 2020 | 2 Minggu |
| Kuliah 2 | 13 April-24 Mei 2020<br>**12 April-23 Mei 2020* | 13 April-24 Mei 2020<br>**13 April-23 Mei 2020* | 6 Minggu |
| Tarikh Akhir Lanjutan PKP | | 14 April 2020<br>(Tertakluk Kepada Perubahan) | |
| Cuti Khas Perayaan | 25 Mei-07 Jun 2020<br>**24 Mei-06 Jun 2020*<br>(Eid Fitri:<br>25-26 Mei 2020)<br>(Pesta Keamatan: 30-31 Mei 2020)<br>(Gawai: 01-02 Jun 2020) | 25 Mei-03 Jun 2020<br>**24 Mei-03 Jun 2020*<br>(Eid Fitri:<br>25-26 Mei 2020)<br>(Pesta Keamatan: 30-31 Mei 2020)<br>(Gawai: 01-02 Jun 2020) | 10 Hari |
| Kuliah 3a | 08-21 Jun 2020<br>**07-20 Jun 2020* | 04 Jun-01 Julai 2020 | 4 Minggu |
| *Student Feedback Online* (SuFO) | 04 Mei-28 Jun 2020 | 04 Jun-04 Julai 2020 | 5 Minggu |
| Proses *Exit Survey* | 18 Mei-28 Jun 2020 | 18 Jun-09 Ogos 2020 | 7 Minggu |
| Minggu Ulangkaji | 22-28 Jun 2020<br>**21-28 Jun 2020* | 02-04 Julai 2020 | 3 Hari |
| Peperiksaan Akhir | 29 Jun-19 Julai 2020 | | |
| Tarikh Akhir Penilaian Berterusan | | 21 Julai 2020 | |
| Cuti Semester | 21 Julai-06 September 2020 | 22 Julai-11 Oktober 2020<br>(Tertakluk Kepada Pembelajaran Dan Pengajaran Kursus Berkaitan) | 12 Minggu |
| Kuliah 3b (Bagi Kursus Yang Berkaitan Sahaja) | | 04 Jun-09 Ogos 2020 | 10 Minggu |
| *English Exit Test (Speaking)* | 22-25 Jun 2020 | 10-13 Ogos 2020 | 4 Hari |
| *English Exit Test (Writing)* | 29 Jun 2020 | 17 Ogos 2020 | |
| Tarikh Akhir Penilaian Berterusan (Bagi Kursus Yang Berkaitan Sahaja) | | 23 Ogos 2020 | |

**Nota:** * Untuk Negeri Kedah / Kelantan / Terengganu / Johor Sahaja

| Aktiviti Perkuliahan Sesi III 2019 / 2020<br>Julai-Ogos 2020<br>Program Diploma / Sarjana Muda / Sarjana | | | |
|---|---|---|---|
| **AKTIVITI** | **TARIKH LAMA** | **TARIKH BAHARU** | **TEMPOH BAHARU** |
| Kuliah Sesi III | 22 Julai-25 Ogos 2020 | 24 Ogos-27 September 2020 | 5 Minggu |
| Kuliah Intersesi | 22 Julai-25 Ogos 2020 | 24 Ogos-27 September 2020 | 5 Minggu |
| Peperiksaan Sesi III / Intersesi / Khas | 26-30 Ogos 2020 | 28 September-04 Oktober 2020 | 1 Minggu |
| Cuti Semester | 31 Ogos-06 September 2020 | 5-11 Oktober 2020 | 1 Minggu |